

■ **Lelaki bermimpi didatangi lelaki berjubah putih, berkopiah**

Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Tidak terlintas di fikiran untuk memeluk Islam, namun petunjuk diberikan melalui mimpi menyebabkan hatinya tergerak mengenali Islam.

Abdul Halim Voon Abdullah, 41, berkata, dalam mimpi dialaminya dia didatangi seorang lelaki berjubah putih dan berkopiah.

“Mimpi ini muncul ketika saya sedang bertarung nyawa apabila bekalan oksigen terputus selama hampir tiga saat ketika menjalani pembedahan di Hospital Tawau selepas terbabit dalam kemalangan pada 2009.

Empat tahun cari jawapan



“**Kini, saya sudah terputus hubungan dengan adik-beradik dan saudara-mara serta pada masa sama, ibu juga tidak dapat menerima saya”**


Abdul Halim

“Selepas hampir tiga bulan mendapatkan rawatan di hospital, saya mula mencari jawapan mengenai mimpi ini dan bertanya kepada bapa angkat, rakan beragama Islam dan ustaz untuk mendalami mak-sudnya,” katanya ketika ditemui di pejabat Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim).

Menurutnya, selepas hampir empat tahun mencari jawapan kepada mimpi dialami, dia secara tidak langsung sudah mempelajari Islam.

“Alhamdulillah, saya mendapat petunjuk Allah SWT sebelum mengucapkan dua kalimah syahadah pada 19 Mei 2016 di Sabah.

IZUAN menunjukkan nama di kad pengenalan ketika ditemui di Program Tadarus al-Quran di Pejabat Perkim Bahagian Kelantan.



“Sebaik memeluk Islam, saya mula mendalami dan belajar mengenai Islam di Kompleks Darul Hidayah selama satu tahun,” katanya.

Abdul Halim mengakui keputusan memeluk Islam mendapat tentangan hebat daripada keluarga.

“Kini, saya terputus hubungan dengan adik-beradik dan saudara-mara serta pada masa sama, ibu juga tidak dapat menerima saya.

“Walaupun dibuang keluarga, isteri, Masni Azura Mat Taib yang juga seorang ustazah sentiasa berada di sisi untuk memberi kata-kata semangat.

“Alhamdulillah, selepas

menirikan rumah tangga pada Disember tahun lalu, isteri banyak memberi bimbingan dan mengajar saya mengaji al-Quran,” katanya.

Sementara itu, seorang lagi muallaf, Izuan Lee Tian Chuan Abdullah, 42, mengakui memeluk Islam pada 2013 kerana mahu mencari hala tuju hidup.

“Islam agama suci dan selepas memeluk agama ini, hati saya tenang dan percaya hanya Allah SWT layak disembah.”

“Sejak tujuh tahun lalu sebaik memeluk Islam, fokus utama saya adalah mencari dan mendalami ilmu Islam sebanyak mungkin sebagai bekalan di akhirat kelak,” katanya.

RAMADAN

Daripada Abu Said al-Khudri, dia berkata Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya: “Tidaklah seorang hamba berpuasa satu hari di jalan Allah melainkan kerana (puasa) satu hari itu Allah menjauhkan wajahnya dari neraka sejauh (perjalanan) tujuh puluh tahun.”

(Sahih Bukhari dan Muslim)